



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

WADDAH POLYCC

JABATAN PENDIDIKAN
POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



MAJLIS ASPIRASI

Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik
dan Kolej Komuniti Tahun 2023



PENCAPAIAN 100 HARI

Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik
dan Kolej Komuniti



MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN

Jabatan Pendidikan Politeknik dan
Kolej Komuniti



RANGKUMAN LAWATAN KERJA

Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik
dan Kolej Komuniti Tahun 2023



SIDANG REDAKSI



Penaung

YBrs. Dr. Haji Mohd Zahari
Ismail



Ketua Editor

Encik Mohd Sahran@Awang
Mohidin



Editor

Ts. Zulfadhli
Osman



Editor

Puan Iza Kasmiza
Kasmijan



Editor

Encik Muhammad
Syamil Khalid



Jurufoto

Encik Mohd Hafizan
Mohamed Hassan



Rekabentuk Buletin

Cik Muna Munirah
Mazlan

Diterbitkan oleh

Unit Komunikasi dan Hubungan Korporat
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Galeria PjH, Aras 7, Jalan P4W Persiaran Perdana Presint 4, 62100 Putrajaya

Tel: 03 8891 9000

Faks: 03 8891 9300

Laman sesawang: www.mypolycc.edu.my

E-mel: ukk.jppkk@mohe.gov.my

Hakcipta terpelihara

Sebarang penerbitan semula buletin ini
di dalam apa jua bentuk adalah **TIDAK DIBENARKAN** kecuali dengan kebenaran
bertulis dari pihak Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Isi Kandungan

1.	Aspirasi Ketua Pengarah JPPKK 2023	1
2.	Majlis Aspirasi Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti	2
3.	TKSU (Dasar) KPT Hadir pada pembentangan Status pelaksanaan Program Pengajian JPPKK	3
4.	Sesi Penyerahan Fungsi Sekretariat MTVET dari KPT ke KSM	3
5.	KPPPKK Sertai <i>BIKE2RIDE</i> POLYCC 2023	4
6.	Tiga wakil Pelajar POLYCC Terpilih Sertai Jelajah Aspirasi Mahasiswa Antarabangsa	4
7.	Rangkuman Lawatan Kerja Ketua Pengarah	5
8.	KSU Rasmi Bengkel Pengurusan Perolehan dan Kewangan JPPKK Tahun 2023	6
9.	Majlis Perasmian Industry On Campus (IOC) dan Garis Panduan Kriteria Penarafan Berteraskan IOC JPPKK Edisi 2023	7
10.	Pencapaian 100 Hari Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti	8
11.	Pelajar OKU POLYCC ke Pentas Dunia	9
12.	Majlis Perasmian Industry On Campus (IOC) dan Garis Panduan Kriteria Penarafan Berteraskan IOC JPPKK Edisi 2023 di Kolej Komuniti Baling	9
13.	PTSS Meterai Kolaborasi Strategik Bersama Lapan Industri	10
14.	Terima Seramai 38,847 Penyertaan Serentak, POLYCC dapat Pengiktirafan MBOR pada program Literasi Kewangan	10
15.	Majlis Perhimpunan Bulanan JPPKK	11
16.	Ihya` Ramadan POLYCC 2023 sarat dengan pengisian yang bermanfaat	12
17.	Tahniah dan Selamat Bertugas	13
18.	Terima Kasih dan Selamat Bersara	14

ASPIRASI KETUA PENGARAH 2023

Assalamualaikum w.b.t. dan Selamat Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah keizinan-Nya jua, kita berada di tahun 2023, setelah tahun 2022 yang penuh cabaran melabuhkan tirainya. Saya kira belum terlewat untuk saya mengucapkan selamat melangkah ke tahun 2023 kepada semua warga POLYCC walau dimana jua anda berada. Semoga kita dikurniakan Allah S.W.T kesihatan fizikal, mental dan rohani untuk sama-sama kita menyumbang dan mempertingkatkan usaha ke arah kecemerlangan pendidikan TVET di negara ini khususnya politeknik dan kolej komuniti yang kita sayangi, Insya-Allah. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga POLYCC khususnya seluruh barisan kepimpinan, tenaga pengajar dan anggota perkhidmatan sokongan atas kerjasama dan sokongan padu dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi sepanjang tahun lalu.

Sekian, terima kasih.

Dr. Haji Mohd Zahari Ismail

Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti





MAJLIS ASPIRASI KETUA PENGARAH PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI TAHUN 2023

IPOH, 7 Februari 2023 - Dalam memperkukuh iltizam dan meningkatkan semangat sempena tahun baharu 2023, JPPKK telah mengadakan Majlis Aspirasi Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti yang disempurnakan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Dr. Haji Mohd Zahari Ismail di Dewan Jubli Perak, Politeknik Ungku Omar (PUO), disini.

KPPPKK dalam ucapannya telah berkongsi pencapaian JPPKK sepanjang tahun lepas. JPPKK yang kini memiliki 36 politeknik, 105 kolej komuniti dengan kekuatan seramai 10,211 orang staf dan 98,045 orang pelajar adalah merupakan penyumbang tenaga kerja teknikal terbesar negara iaitu sebanyak 40 peratus.



Berteraskan falsafah negara MADANI yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, KPPPKK pada majlis ini telah menekankan Prinsip 3K iaitu Kebajikan, Keharmonian dan Keberkatan yang dijadikan sebagai asas prinsip bekerja baharu untuk menunjangi peralihan pengurusan yang mampan.

KPPPKK turut mengumumkan sembilan (9) rantaian ke hadapan agar keberkesanan penyampaian dan mutu perkhidmatan mencapai tahap tertinggi selaras dengan Perutusan Tahun Baharu 2023 oleh YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi pada 30 Januari 2023.



Sembilan (9) strategi rantaian ke hadapan JPPKK yang digariskan adalah;

- i. Merombak Ekosistem TVET;**
- ii. Pemerbadanan Industry Education Centre (IEC);**
- iii. Industry on Campus (IOC);**
- iv. Pendigitalan;**
- v. Pendidikan Untuk Semua;**
- vi. Program Pengajian Berimpak di POLYCC;**
- vii. Menyantuni Mahasiswa POLYCC;**
- viii. Pengukuhan Dasar Pengantarabangsaan; dan**
- ix. Imej dan Penjenamaan POLYCC**

Turut berlangsung ialah penyampaian Anugerah Kecemerlangan POLYCC yang julung kali diadakan. Sebanyak 13 anugerah diberikan kepada 31 penerima. Turut diadakan adalah pelancaran lagu baharu POLYCC sebagai langkah permulaan penjenamaan POLYCC. Pada masa sama turut diadakan juga adalah pelancaran sistem PERSIST 2.0 dan penyampaian sumbangan kepada warga POLYCC yang terkesan banjir.

Hadir sama pada majlis ini ialah pengurusan tertinggi JPPKK, Pengarah-pengarah politeknik dan kolej komuniti serta warga POLYCC.

TKSU (DASAR) KPT HADIR PADA PEMBENTANGAN STATUS PELAKSANAAN PROGRAM PENGAJIAN JPPKK



PUTRAJAYA, 11 Januari 2023 - Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Dato' Dr. Haji Megat Sany Megat Ahmad Supian hadir ke JPPKK bagi Pembentangan Status Pelaksanaan Program Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti bertempat di Bilik Mesyuarat Utama. Kehadiran delegasi dari KPT telah disambut oleh Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Dr. Haji Mohd Zahari Ismail.



Pengarah Kanan (Akademik), Encik Mohd Noor Shahudin telah membuat pembentangan dengan memberi gambaran berkaitan program pengajian yang sedang ditawarkan di politeknik dan kolej komuniti.

Turut dibentangkan pada sesi ini ialah isu dan cabaran dalam konteks akademik serta rantai ke hadapan program pengajian politeknik dan kolej komuniti dalam usaha menjadi peneraju institusi TVET unggul.

Hadir sama ke sesi pembentangan ini ialah Setiausaha Bahagian Dasar dan Penyelidikan, KPT, Dr. Wan Baharudin Wan Mahmood serta pengarah-pengarah Bahagian JPPKK.



SESI PENYERAHAN FUNGSI SEKRETARIAT MTVET DARI KPT KEPADA KSM

PUTRAJAYA, 11 Januari 2023 - Telah berlangsungnya Sesi Penyerahan Fungsi Sekretariat Majlis TVET Negara (MTVET) dari Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) kepada Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KPT, Dato' Dr. Haji Megat Sany Megat Ahmad Supian di Bilik Mesyuarat Utama, JPPKK.



Hadir sama pada sesi penyerahan ini ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), KSM, Datuk Muhd Khair Razman Mohamed Annuar. Majlis simbolik nota serah tugas turut diadakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KPT kepada Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), KSM.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 Disember 2022 telah memutuskan bahawa fungsi Sekretariat MTVET dipindahkan dari KPT ke KSM. MTVET ditubuhkan bagi menambahbaik penyelarasan ekosistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara dalam usaha memastikan laluan TVET sebagai agenda nasional.

Turut hadir ialah Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran, KSM, Ts. Dr. Mohamad Sulaiman, Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Dr. Haji Mohd Zahari Ismail, Setiausaha Bahagian Dasar dan Penyelidikan, KPT, Dr. Wan Baharudin Wan Mahmood, Pengarah Kanan (Akademik), Encik Mohd Noor Shahudin, Pengarah Bahagian Koordinasi TVET, Dr. Shamsuri Abdullah, Pengarah-pengarah Bahagian JPPKK, Setiausaha Bahagian Pembangunan, Kewangan dan Sumber Manusia, KSM, Encik Mohd Hazli Ahmad @ Adnan dan Timbalan Setiausaha Bahagian Dasar, KSM, Dr. Zaki Zakaria,



KPPPK SERTAI BIKE2RIDE POLYCC 2023



PUTRAJAYA, 11 Januari 2023 - Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Dr. Haji Mohd Zahari Ismail telah menyertai aktiviti berbasikal bersama-sama warga JPPKK yang diadakan di sekitar Putrajaya.

Aktiviti kayuhan anjuran Kelab Rekreasi dan Sukan (RESClub) dengan penglibatan dari politeknik dan kolej komuniti ini bertujuan untuk merapatkan ukhwah dan beramah mesra bersama-sama KPPPK.

Selain memupuk hubungan sosial yang sihat dalam kalangan warga JPPKK, aktiviti ini juga bertujuan untuk meningkatkan kecergasan, mempelbagaikan bentuk latihan jasmani dan menyediakan platform kepada warga yang berminat dalam aktiviti berbasikal.

Turut serta pada aktiviti kayuhan ini ialah Pengarah-pengarah Bahagian JPPKK, Pengarah-pengarah politeknik dan kolej komuniti serta pegawai dan kakitangan JPPKK.



TIGA WAKIL PELAJAR POLYCC TERPILIH SERTAI JELAJAH ASPIRASI MAHASISWA ANTARABANGSA



PUTRAJAYA, 12 Januari 2023 - Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Dr. Haji Mohd Zahari Ismail telah bersama-sama dalam Sesi Flag Off dan bertemu dengan tiga orang pelajar politeknik dan kolej komuniti sebelum mereka berangkat ke United Kingdom, Perancis dan Belanda bagi menyertai Jelajah Aspirasi Mahasiswa Antarabangsa: Program Pemerksaan Kepimpinan Mahasiswa Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) Tahun 2022. Program anjuran Bahagian Mahasiswa Holistik, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), KPT dengan kerjasama MPPK bertujuan mengumpul idea aspirasi dalam usaha pemerksaan mahasiswa terutama sekali tadbir urus Kesatuan Pelajar di universiti tersohor yang boleh diimplementasikan di Malaysia.

Pada pertemuan tersebut, KPPPK mengucapkan tahniah kepada pelajar yang juga merupakan YDP politeknik dan kolej komuniti dan juga ahli MPPK 2022 yang terpilih. Beliau juga mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak KPT atas peluang yang diberikan sekaligus memberi pengiktirafan kepada POLYCC. Mereka yang terpilih ialah Saudara Muhammad Amir Firdaus bin Mohd Yuslin dari Politeknik Port Dickson (PPD), Saudara Farhan Aiman bin Shahrul Nazmi dari Politeknik Nilai (PNS) dan Saudari Siti Aliya Sofiya binti Kamarudin dari Kolej Komuniti Selayang.

Program ini melibatkan seramai 32 orang wakil mahasiswa, Ahli Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) yang terdiri daripada YDP MPP Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan YDP MPP Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Mereka berlepas dari KLIA pada 13 Januari lepas dan berada di tiga buah negara tersebut sehingga sehingga 22 Januari 2023. Turut hadir pada sesi flag off ini ialah Pengarah Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar, Puan Noranyza Mohamad Yusoff,



RANGKUMAN LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH

Lawatan Kerja KPPPKK ke Langkawi Tourism Academy @ Kolej Komuniti Langkawi bagi melawat Tapak Pembinaan Bangunan Asrama Pelajar dan Perasmian Sun Buff Cafe



Lawatan Kerja dan Libat Urus Bersama-Sama Warga Politeknik Tawau, Sabah (PTS)



Lawatan Kerja ke Tapak Pembinaan Politeknik Bagan Datuk (PBD)





KSU RASMI BENGKEL PENGURUSAN PEROLEHAN DAN KEWANGAN JPPKK TAHUN 2023

KLANG, 21 Februari 2023 - Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Dato' Seri Abdul Razak Jaafar, telah merasmikan Bengkel Pengurusan Perolehan dan Kewangan JPPKK Tahun 2023 yang diadakan di Hotel Wyndham Acmar, disini. Turut hadir ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) KPT, Datuk Dr. Mohd Zabri Yusoff dan Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Dr. Haji Mohd Zahari Ismail.

Bengkel yang berlangsung selama tiga (3) hari ini bertujuan melaksanakan perkongsian ilmu disamping memberi pemahaman terhadap prosedur, peraturan dan pekeliling-pekiling baharu yang sedang berkuatkuasa. Selain itu, melalui bengkel ini juga, pegawai dapat didedahkan dengan lebih mendalam mengenai pengurusan perolehan dan kewangan sekaligus melengkapkan pegawai dengan kemahiran dan kepakaran dalam aspek-aspek kritikal berhubung prosedur dan proses-proses berkaitan.

Dato' Seri KSU pada ucapan beliau turut memetik kata-kata dari YB Menteri Pendidikan Tinggi yang telah menzahirkan hasrat untuk menjadikan KPT sebagai sebuah Kementerian yang berfungsi dengan efisien dan cemerlang.

Beliau turut menegaskan bahawa bahagian kewangan di Kementerian mahupun jabatan perlu melaksanakan pemantauan dan audit bebas dan utuh, sebarang bentuk perbelanjaan dan juga komitmen kewangan hendaklah dipastikan mematuhi segala peraturan dan arahan kewangan semasa.

Tambah beliau, dari aspek kemahiran dan pengetahuan pula hendaklah ditingkatkan bagi memastikan pegawai tersebut faham, mahir dan sentiasa `up-to-date` dengan Arahan Perbendaharaan. Beliau juga mengingatkan dua sifat utama pengurus kewangan dan perolehan yang baik iaitu akauntabiliti atau kebertanggungjawab dan berintegriti.

Hadir sama ialah barisan pengurusan tertinggi JPPKK, Pegawai-pegawai kanan KPT serta Pengarah-pengarah politeknik dan kolej komuniti.



MAJLIS PERASMIAN INDUSTRY ON CAMPUS (IOC) DAN GARIS PANDUAN KRITERIA PENARAFAN BERTERASKAN IOC JPPKK EDISI 2023 DI POLITEKNIK METRO TASIK GELUGOR



TASIK GELUGOR, 26 Februari 2023 - Ketua Setiausaha KPT, Dato' Seri Abdul Razak Jaafar telah merasmikan Majlis Perasmian Industry On Campus (IOC) dan Garis Panduan Kriteria Penarafan Berteraskan IOC JPPKK Edisi 2023 di Politeknik Metro Tasik Gelugor (PMTG) disini.

IOC merupakan satu kolaborasi berpusat antara pelajar dengan industri bagi membawa persekitaran sebenar industri ke dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Pelaksanaan IOC bertujuan merapatkan jurang antara kehendak industri dengan sumber tenaga pekerja mahir yang diperlukan oleh negara, ini secara tidak langsung dapat mengekang lambakan pekerja asing di negara ini malah turut bertindak sebagai pembekal sumber tenaga mahir dan separa mahir ke negara luar yang memerlukan.

Dalam ucapan perasmianya, Dato' Seri KSU berharap agar JPPKK sentiasa melahirkan graduan yang terlatih dalam industri selari dengan ledakan teknologi baharu.



"Justeru, IOC dilihat mampu menterjemahkan potensinya dalam membangunkan keupayaan, inovasi dan keberkesanan sektor pendidikan tinggi melalui kolaborasi industri dan penerokaan ruang pendidikan yang anjal," jelasnya.

Menurut Dr. Haji Mohd Zahari Ismail, Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti berkata, sepanjang tahun 2022, industri telah menyumbang sebanyak RM2.2 juta kepada institusi. Sumbangan ini dibuat dalam pelbagai bentuk sama ada sebagai wang tunai, zakat, tajaan pengajian, pemberian peralatan dan latihan.

"Saya yakin dan percaya seluruh Warga POLYCC telah menggembeng tenaga dan menggandakan usaha dalam memastikan kerjasama erat dengan industri terus terjalin", katanya. Pada majlis tersebut, KPPPKK turut menyampaikan Buku Pencapaian 100 Hari KPPPKK kepada Dato' Seri KSU.



Majlis turut dihadiri rakan-rakan industri untuk turut menyaksikan perasmian Inkubator HH Production Studio serta Pelancaran Professional Competency Program (PCP) bersama Rakan Industri Flex-SMT dan PCIIM bagi program Professional Diploma in Surface Mount Technology dan Professional Certificate in Imaging Inspection Machine.



PENCAPAIAN 100 HARI KETUA PENGARAH PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



SHAH ALAM, 1 Mac 2023 - Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Dr. Haji Mohd Zahari Ismail telah bersama-sama dalam sesi bual bicara 100 Hari Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti yang diadakan di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, disini.

Program yang juga bersiaran langsung melalui laman rasmi Youtube POLYCCofficial dan mendapat jumlah tontonan lebih 7000 penonton ini telah memberi peluang kepada KPPPKK dalam berkongsi berkenaan pencapaian sempena genap 100 hari beliau menerajui JPPKK.

Antara intipati pada sesi bual bicara tersebut ialah antaranya, memastikan kecemerlangan para graduan TVET POLYCC ini menyumbang kepada pembinaan masyarakat MADANI, empat (4) iltizam telah digarap oleh KPPPKK iaitu Kesepadanan Pekerjaan dan Kebolehpasaran Graduan POLYCC Perkembangan Kerjaya Graduan POLYCC sebagai Job Creator POLYCC Global; dan Pembangunan Pelajar Holistik.



Dengan memegang falsafah baharu yang diperkenalkan iaitu 'Graduan Kualiti Amanah Kami, Pensyarah Kompeten' Izzah Kami, POLYCC Wadah Kami, Memacu Destinasi Malaysia MADANI', beliau berharap agar warga POLYCC sentiasa mengamalkan prinsip 3K yang diuar-uarkan dalam Malaysia MADANI itu sendiri iaitu Kebajikan, Keharmonian dan Keberkatan.

Dalam bual bicara yang dihoskan Puan Siti Fariza Mohamad Isa ini, KPPPKK turut menyentuh peluang bagi meluaskan kolaborasi dengan warga industri.

Antara empat (4) usaha yang telah dizahirkan adalah melalui Industry On Campus (IOC) Penarafan Berteraskan Industry On Campus (IOC) POLYCC Edisi 2023 Graduan POLYCC Kalis Masa Hadapan; dan Kolaborasi Berimpak Tinggi.

Hadir sama pada program ini ialah Pengarah dan Timbalan Pengarah Bahagian JPPKK, Pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Selangor serta warga POLYCC.

PELAJAR OKU POLYCC KE PENTAS DUNIA

SUNGAI PETANI, 11 Mac 2023 - Telah berlangsung Majlis Flag Off POLYCC To 10th International Abilympics France 2023 yang diadakan di Kolej Komuniti Sungai Petani (KKSP) disini. Majlis disempurnakan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Dr. Haji Mohd Zahari Ismail.

Hadir sama pada majlis ini ialah Presiden Majlis Pemulihan Negara (MCR), Datin Paduka Khatijah Sulieman, Pengarah Kanan (Kompetensi) JPPKK, Ts. Zainab Othman, Pengarah KKSP, Tuan Haji Mohd Yusaini Mohamed Ali serta pengarah-pengarah politeknik dan kolej komuniti.

Pertandingan yang dianjurkan khusus bagi Orang Kurang Upaya (OKU) bagi mengubah pandangan masyarakat mengenai potensi dan kebolehan mereka.



Penyertaan POLYCC pada pertandingan ini juga dilihat selaras dengan hasrat yang dibawa oleh YAB Perdana Menteri melalui Malaysia Madani.

Antara peserta yang bakal menyertai acara peringkat antarabangsa ini ialah Nur Amiratul Farahin Ab. Rahman dalam bidang Painting dan Waste Art dari Politeknik Ibrahim Sultan, Muhammad Darwisy Haziq Mohd Zam dalam bidang Outdoor Photography dari Politeknik Ibrahim Sultan, Wan Muhammad Hafizunif Wan Roslan dalam bidang Cake Decoration dari Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Muhammad Hanif Naufal Mohd Mazni dalam bidang Restaurant Service dari Kolej Komuniti Selayang, Najwa Mahmud dalam bidang Data Processing dari Kolej Komuniti Selayang dan Salahuddin Ahmad Kamsan dalam bidang Cooking dari Kolej Komuniti Sungai Petani.

Peserta turut memiliki jurulatih masing-masing yang juga merupakan pensyarah di politeknik dan kolej komuniti.

KSU RASMI INDUSTRY ON CAMPUS (IOC) DAN GARIS PANDUAN KRITERIA PENARAFAN BERTERASKAN IOC JPPKK EDISI 2023 DI KOLEJ KOMUNITI BALING

BALING, 26 Februari 2023 - Ketua Setiausaha KPT, Dato' Seri Abdul Razak Jaafar telah merasmikan Majlis Perasmian Industry On Campus (IOC) dan Garis Panduan Kriteria Penarafan Berteraskan IOC JPPKK Edisi 2023 di Kolej Komuniti Baling, disini. Turut hadir ialah Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Dr. Haji Mohd Zahari Ismail.

Ketika menyampaikan ucapannya beliau berkata, pelaksanaan program IOC ini seiring dengan inspirasi daripada dasar peringkat nasional yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri iaitu "Membangun Malaysia MADANI".

Jelasnya, dengan berpaksikan falsafah negara MADANI ini, Prinsip 3K - Kebajikan, Keharmonian dan Keberkatan dijadikan asas prinsip bekerja yang baharu untuk menunjangi peralihan pengurusan yang mampan. "Kolaborasi di antara pihak Kerajaan dengan pihak industri seperti ini amat diperlukan dalam membangunkan modal insan Malaysia.



"Dengan kepesatan teknologi yang semakin rumit, di mana setiap masalah saling berkait dengan masalah lain, dan masih belum menemui penyelesaian yang segera dan mudah, kemunculan dron, robot, kecerdasan buatan atau AI, cetakan 3D, dan kejuruteraan genetik semuanya sedang merubah dunia kita," tambahnya.

Justeru kata beliau, KPT melalui JPPKK mengambil inisiatif menerapkan konsep MADANI iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, nilai hormat, keyakinan, dan ihsan yang menjadi kata kunci kepada sebuah agenda rakyat untuk membina masa hadapan yang madani buat Malaysia dengan penyuntikan elemen IOC ke dalam POLYCC.

PTSS METERAI KOLABORASI STRATEGIK BERSAMA LAPAN INDUSTRI



ARAU, 10 Mac 2023 - Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) telah mengadakan Majlis Menandatangani Sijil Kolaborasi Strategik bersama lapan industri, disini.

Sijil Kolaborasi Strategik tersebut telah ditandatangani oleh Pengarah PTSS, Encik Abdul Malek Hassan, sambil disaksikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Dr. Haji Mohd Zahari Ismail.

Majlis yang dianjurkan oleh Corporate, Industrial Services & Employability Centre (CISEC) PTSS bertujuan membantu politeknik khususnya PTSS memelihara hubungan baik antara masyarakat, badan-badan perniagaan, industri, pertubuhan profesional dan pusat pengajian tinggi dengan membawa perhatian mereka mengenai kursus-kursus dan kualiti graduan politeknik. Sehingga hari ini, politeknik dan kolej komuniti (POLYCC) telah menjalinkan kolaborasi bersama lebih 15,000 industri.

Majlis turut dihadiri oleh Pengerusi Ahli Lembaga Penasihat Industri PTSS, Datuk Hj Muhadzir Mohd Isa, serta wakil-wakil industri yang terlibat antaranya ialah Managing Director, Tokyo Athletic Club Co.Ltd. (TAC), Mr. Masatoshi Tachikawa, Presiden Konfederasi Hoki Malaysia (KHM), Dato' Sri Subahan Kamal, Presiden Pertubuhan Penggerak Ekonomi Digital Kebangsaan (NEDMA), Dato' Mohd Fakhruddin Md Noor, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Tuan Haji Mohd Nazim Haji Mohd Noor, Pengarah Majlis Sukan Negeri Perlis (MSNP), Encik Anuar Abidin, Pengarah Urusan Infra Minda Global Sdn. Bhd. Tc. Sharif Zulkepele Sharif Harun, Complex Assistant Director of Human Resources, The St. Regis Langkawi (Integrated Nautical Resort Sdn Bhd), Puan Sharifah Azlinda Syed Md Zaki serta General Manager (GM) Seri Pacific Hotel, Encik Azhar Mohammad Hadir sama pada majlis ini ialah Pengarah-pengarah Bahagian JPPKK serta pengarah-pengarah politeknik dan kolej komuniti.



CATAT SERAMAI 38,847 PENYERTAAN SERENTAK, POLYCC DAPAT PENGIKTIRAFAN MBOR

BATU CAVES, 20 Mac 2023 - Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dengan kerjasama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah menganjurkan Program Literasi Kewangan dan Pengumuman Malaysia *Book of Record* (MBOR) bersempena dengan *Global Money Week 2023* yang disambut mulai hari ini sehingga 26 Mac 2023 di seluruh dunia dengan tema *Plan Your Money*

Sebanyak 36 politeknik dan 105 kolej komuniti yang terdiri daripada pelajar dan staf telah menyertai program ini secara serentak sekaligus berjaya melakar sejarah mencatatkan seramai 38,847 penyertaan seterusnya mengesahkan pencapaian ini untuk direkod di dalam *Malaysia Book of Record* (MBOR). Program ini bertujuan untuk mendidik masyarakat khususnya dalam konteks pemeraksanaan pendidikan kewangan dalam kalangan pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).



Pengumuman *Malaysia Book of Record* ini telah dibuat ketika Majlis Penutup Program Literasi Kewangan *Global Money Week 2023* dan Pengumuman *Malaysia Book of Record* yang disempurnakan oleh YBrs. Ts. Zainab Othman, Pengarah Kanan (Kompetensi), JPPKK di Kolej Komuniti Selayang, disini.

Turut hadir pada majlis penutup ini ialah, Ketua Pegawai Eksekutif AKPK, Encik Azaddin Ngah Tasir, Pengarah-pengarah politeknik dan kolej komuniti serta Pegawai-pegawai kanan AKPK.





MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN JPPKK

PUTRAJAYA, 14 April 2023 - Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah menganjurkan Majlis Perhimpunan Bulanan bertempat di Dewan Serbaguna Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT).

Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Dr. Haji Mohd Zahari Ismail, dalam uapntama beliau turut berkongsi beberapa pencapaian / program yang berlangsung bagi tempoh Januari hingga Mac 2023.

Pada majlis ini Dr. KP turut melancarkan 'Quick Fact PPI' yang merupakan satu inisiatif dari Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI), JPPKK mengenai pencapaian aktiviti / program yang dijalankan oleh pusat tersebut.

Turut berlangsung pada majlis ini ialah Anugerah Pekerja Contoh Bulanan JPPKK bagi bulan Januari, Februari dan Mac 2023.

Terdahulu, telah diadakan Majlis Lafaz Ikrar Bebas Rasuah Warga JPPKK 2023 dengan pengisian Forum Integriti dan Antirasuah yang bertajuk Tumbuk Rusuk: Systemic Corruption yang disampaikan oleh Pengurus dan Penceramah di CJ Global Venture, Firdaus Ramlan, diikuti dengan Lafaz Ikrar Bebas Rasuah dan sesi menandatangani Ikrar Bebas Rasuah oleh Dr. KP dan disaksikan oleh Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, SPRM, Datuk Razim Mohd Nor.

Hadir sama pada majlis ini ialah Timbalan Ketua Pengarah (Governan), Encik Kamaludin Daud, Pengarah Kanan (Kompetensi), Ts. Zainab Othman serta Pengarah-pengarah Bahagian JPPKK.



IHYA' RAMADAN POLYCC 2023 SARAT DENGAN PENGISIAN YANG BERMANFAAT



BANTING, 14 April 2023 - Dalam mengimarahkan lagi Bulan Ramadan yang mulia ini, Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar, JPPKK bersama-sama Kolej Komuniti Kuala Langat (KKKL) dan Politeknik Banting Selangor (PBS) telah menganjurkan Ihya' Ramadan POLYCC 2023 di PBS.

Program yang dirasmikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Dr. Haji Mohd Zahari Ismail ini telah membawa pelbagai pengisian menarik seperti gotong-royong penyediaan bubur lambuk, POLYCC Quran Hour, Majlis Khatam Al-Quran serta ceramah Ramadan.

Dr. KP ketika hadir pada majlis perasmian tersebut telah menyampaikan sumbangan Bakul Kasih Ramadan kepada 30 orang penerima dan turut menyerahkan Kocek Raya kepada seramai 16 orang pelajar.



Usai sesi penyerahan, Dr. KP turut berkesempatan menyertai aktiviti berbuka puasa bersama staf dan pelajar KKKL dan PBS.

Dalam pada itu, turut diadakan edaran Bakul Kasih Ramadan POLYCC Selangor sekitar kawasan Jugra yang disampaikan oleh Pengarah KKKL, Encik Suhairi Ismail dan Pengarah PBS, Ts. Zainah Rujihan.



Turut hadir pada program ini ialah Timbalan Ketua Pengarah (Governan), Encik Kamaluddin Daud, Pengarah Kanan (Kompetensi), Ts. Zainab Othman, Pengarah-pengarah politeknik dan kolej komuniti ZON Selangor serta pelajar-pelajar POLYCC Zon Selangor.



TAHNAH DAN SELAMAT DATANG

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Sekalung TAHNAH

DR. ZAMZAM BIN MOHD WALID

atas perantaraan sebagai

**PENGARAH
BAHAGIAN KURIKULUM**
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

berkuatkuasa 16 Februari 2023 (Khamis)

dihas darpada

DR. HAJI MOHD ZAHARI BIN ISMAIL
Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

dan

seluruh Warga Politeknik dan Kolej Komuniti

 www.mypolycc.edu.my

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Sekalung TAHNAH

ENCIK A. AZMAN BIN ARSHAD

atas perantaraan sebagai

**PENGARAH
BAHAGIAN PERANCANGAN
PROGRAM DAN INSTITUSI**
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

berkuatkuasa 16 Februari 2023 (Khamis)

dihas darpada

DR. HAJI MOHD ZAHARI BIN ISMAIL
Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

dan

seluruh Warga Politeknik dan Kolej Komuniti

 www.mypolycc.edu.my

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Sekalung TAHNAH

TS. HAJI MUHAMAD RUMZI BIN MAMAT

atas Pemangkuan Grad Utama C
sebagai

**TIMBALAN KETUA PENGARAH
(PERANCANGAN)**
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

berkuatkuasa 07 Februari 2023 (Selasa)

dihas darpada

DR. HAJI MOHD ZAHARI BIN ISMAIL
Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

dan

seluruh Warga Politeknik dan Kolej Komuniti

 www.mypolycc.edu.my

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Sekalung TAHNAH

TS. ZAINAB BINTI OTHMAN

atas Pemangkuan Grad Utama C
sebagai

**PENGARAH KANAN
(KOMPETENSI)**
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

berkuatkuasa 07 Februari 2023 (Selasa)

dihas darpada

DR. HAJI MOHD ZAHARI BIN ISMAIL
Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

dan

seluruh Warga Politeknik dan Kolej Komuniti

 www.mypolycc.edu.my

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Sekalung TAHNAH

ENCIK KAMALUDIN BIN DAUD

atas perantaraan sebagai

**TIMBALAN KETUA PENGARAH
(GOVERNAN)**
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

berkuatkuasa 07 Februari 2023 (Selasa)

dihas darpada

DR. HAJI MOHD ZAHARI BIN ISMAIL
Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

dan

seluruh Warga Politeknik dan Kolej Komuniti

 www.mypolycc.edu.my

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Sekalung TAHNAH

DR. NORHAYATI BT IBRAHIM

atas perantaraan sebagai

**PENGARAH BAHAGIAN
KOORDINASI TVET**
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

berkuatkuasa 16 Februari 2023 (Khamis)

dihas darpada

DR. HAJI MOHD ZAHARI BIN ISMAIL
Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

dan

seluruh Warga Politeknik dan Kolej Komuniti

 www.mypolycc.edu.my

TERIMA KASIH DAN SELAMAT BERSARA



JOM MASUK POLYCC

POLYCC      POLYCCOfficial
www.mypolycc.edu.my

Untuk maklumat lanjut
sila imbas kod QR berikut :



**UNTUK MAKLUMAT LANJUT BERKAITAN PERMOHONAN KEMASUKAN KE
POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI, SILA IMBAS KOD QR BERIKUT:**

